

**TEKS UCAPAN YBHG. NAIB CANSELOR
HARI AKADEMIA PERINGKAT UNIVERSITI TEKNIKAL
MALAYSIA MELAKA 2023**

Secara atas talian

Terima kasih pengacara majlis

Bismillahirahmanirahim

SALUTASI

-Seperti di Lampiran

Salam Malaysia Madani

Salam Melaka ku Maju Jaya, Rakyat Bahagia Menggomit
Dunia

Salam UTeM ku Sayang, Menjajar Universiti Melonjak ke
Hadapan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Alhamdulillah, segala pujian dan syukur ke hadrat Allah S.W.T yang telah menganugerahi kita umur dan rezeki untuk berkumpul pada hari ini secara di atas talian bagi sambutan Hari Akademia peringkat UTeM tahun 2023. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Akademia saya kepada semua ahli akademik.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

Ahli akademik merupakan aset berharga dalam pembentukan generasi seterusnya dan pemacu utama kemajuan negara kita. Kita semua telah meluangkan masa dan usaha dalam memberikan pendidikan yang prestij kepada pelajar kita dan menjadikan mereka bakal pemimpin masa depan yang cemerlang. Ahli akademik adalah sumber ilmu dan inspirasi yang bukan sahaja membitarakan sesbuah institusi malah menambahkan corak serta warna kegemilangan pada keperibadian dan kecemerlangan pelajar.

Untuk makluman semua, Hari Akademia pertama kali disambut pada 2019. Hari istimewa ini memberi penghormatan kepada semua ahli akademik di institusi pengajian tinggi awam dan swasta, politeknik, kolej komuniti, institut latihan perguruan, kolej matrikulasi termasuk institut latihan dan vokasional. Kementerian Pendidikan Tinggi juga telah mengisytiharkan Hari Akademia pada 5 Oktober dan Bulan Oktober sebagai Bulan Akademia.

Tema yang telah dipilih pada tahun ini adalah "**Akademia Pemacu Malaysia Madani**," yang mana menggambarkan peranan penting semua ahli akademik di institusi pendidikan tinggi dalam membentuk Malaysia Madani. Hari Akademia ini juga merupakan satu-satunya hari yang memberikan pengiktirafan dan menghormati peranan ahli akademik di semua

peringkat pendidikan di mana, mereka tidak hanya mengajar, tetapi juga menjalankan aktiviti penyelidikan, inovasi, perundingan, tugas pentadbiran, dan banyak lagi.

Warga UTeM yang dihormati,

Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), selain dari segi pencapaian yang dapat diukur, ahli akademik juga membawa nilai yang tidak terhingga kepada UTeM. Pencapaian ini bukan sahaja memperlihatkan komitmen ahli akademik terhadap nilai akademik, tetapi juga terhadap kelestarian, yang memberi inspirasi kepada masyarakat. Sepanjang tahun 2022 dan tahun ini, kita telah menyaksikan pelbagai kejayaan yang telah diperoleh warga UTeM melalui kepimpinan ahli akademik. Antara pencapaian terbaik yang dicapai adalah:

- 1. Pengiktirafan Amalan Hijau.** Usaha UTeM dalam menjalankan amalan kelestarian dan meminimakan kesan negatif terhadap alam sekitar adalah suatu teladan yang patut diikuti oleh semua.
- 2. Pemenang Kategori Pengurusan Tenaga untuk Bangunan dan Industri:** Kejayaan ini menunjukkan pencapaian cemerlang UTeM dalam mengurangkan penggunaan tenaga, meningkatkan kecekapan tenaga, dan mengamalkan praktis pandang ke hadapan dalam industri dan bangunan.

3. Pemenang Universiti Paling Mampan di Dunia pada 2022:

Ini adalah pengiktirafan kepada kita dalam mempromosikan kelestarian dan menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan kelestarian di peringkat global. Ia membuktikan, UTeM adalah institusi yang komited dalam membitarakan pendidikan dan seterusnya bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

4. Anugerah Hijau Melaka 2022: Anugerah ini mengiktiraf usaha UTeM dalam menjadikan Melaka lebih hijau dan lestari. Usaha UTeM dalam menyumbang kepada kelestarian kawasan sekitar adalah inspirasi kepada semua untuk menjaga alam sekitar kita.



Ahli akademik yang saya kasih sekalian,

Dalam memperingati Hari Akademia ini, marilah kita sama-sama membuat refleksi tentang peranan kita dan perubahan yang kita perlu bawa kepada pelajar, institusi, dan komuniti. Melalui refleksi ini, kita dapat menghayati nilai integriti, inovasi, dan komitmen dalam setiap tugas yang kita laksanakan.

Kita perlu terus komited dalam meningkatkan kualiti pengajaran, pencapaian pelajar, penyelidikan, penglibatan komuniti, Integriti dan Etika dan Pengembangan Profesional: agar kita dapat terus menjadi pemacu utama dalam membangunkan negara yang madani dan mencorak masa depan generasi seterusnya.

1. Bagi **Pengalaman Pengajaran**: Sebagai seorang akademik, pengajaran adalah sebahagian besar tugas kita. Refleksi dalam pengajaran melibatkan penilaian terhadap kaedah pengajaran yang digunakan, respons pelajar, dan usaha kita untuk meningkatkan pengalaman pengajaran supaya lebih efektif dan menarik.
2. Manakala, bagi **Pencapaian Pelajar**: Refleksi ini perlulah melibatkan penilaian terhadap pencapaian pelajar. Adakah pelajar kita mencapai objektif pembelajaran yang telah ditetapkan? Dan bagaimana kita boleh membantu mereka mencapai tahap yang lebih tinggi dalam pembelajaran mereka?
3. Untuk **Penyelidikan dan Inovasi**: Sebagai penyelidik, refleksi melibatkan penilaian terhadap kualiti penyelidikan yang telah dijalankan adalah penting. Adakah hasil penyelidikan kita memberikan sumbangan yang signifikan kepada bidang kita? Bagaimana kita boleh mengembangkan penyelidikan kita untuk menjawab soalan-soalan yang lebih mendalam?
4. Seterusnya **Penglibatan dengan Komuniti**: Penglibatan dengan komuniti tempatan dan industri akan memberi kesan positif kepada masyarakat. Refleksi dalam aspek ini termasuk penilaian terhadap keberkesanan program-program komuniti dan impak yang dibuat oleh kerjasama dengan industri.
5. Refleksi seterusnya; **Integriti dan Etika**: Ahli akademik juga perlu merenungkan nilai integriti dan etika dalam setiap aspek

kerja mereka. Adakah tindakan kita selaras dengan prinsip integriti akademik? Bagaimana kita boleh menjadi contoh yang baik dalam hal ini?

6. Tidak juga kita lupakan tentang **Keseimbangan Kehidupan Kerja**:

Akademik sering berdepan dengan cabaran keseimbangan antara kehidupan kerja dan peribadi. Refleksi tentang bagaimana kita dapat menguruskan masa dan komitmen dengan bijak adalah penting untuk kesihatan fizikal dan mental kita.

7. Akhir sekali, **Pengembangan Profesional**: refleksi ini melibatkan penilaian terhadap usaha kita dalam mengembangkan diri. Adakah kita terlibat dalam latihan dan pengembangan profesional? Bagaimana kita boleh terus memperbaiki kemahiran dan pengetahuan kita?

Ahli akademik UTeM, saya pasti dengan proses refleksi ini, akan membantu kita untuk lebih memahami perkembangan dan pencapaian kita, mengenal pasti bidang yang perlu diperbaiki, dan merancang langkah-langkah untuk pertumbuhan profesional dan peribadi yang berterusan.

Kesimpulannya, peranan ahli akademik di UTeM adalah pelbagai dan penting dalam meningkatkan kbeitaraan universiti.. Kita perlu terus membantu universiti untuk terus relevan dan berdaya saing dalam persekitaran pendidikan dan sosial yang

sentiasa berubah. Akhir kata, kepada semua ahli akademik UTeM, terima kasih atas komitmen dan dedikasi anda dalam membentuk masa depan negara dan universiti. Semangat anda dalam pembangunan negara adalah sesuatu yang tidak ternilai harganya. Selamat Hari Akademia 2023! Mari kita terus maju ke hadapan untuk Malaysia Madani!

